Maklumat perhubungan akaun perniagaan	(1) untuk menyediakan produk dan Perkhidmatan kami (2) untuk berkomunikasi dengan anda tentang produk dan perkhidmatan kami (3) untuk mengesahkan anda dan menyesuaikan kandungan (4) untuk menambah baik produk kami dan mewujudkan produk baharu (5) bagi tujuan perakaunan, keselamatan dan operasi dalaman kami (6) bagi tujuan yang dikehendaki di sisi undang-undang	(a) dengan pembekal perkhidmatan kami, termasuk pembekal analisis, untuk membantu kami menyampaikan dan menambah baik Perkhidmatan (b) dengan rakan perniagaan dan penjual semula untuk sokongan dan tujuan pemasaran kami (c) Anggota Gabungan kami
Maklumat penggunaan	(1) untuk menambah baik produk kami dan mewujudkan produk baharu (2) untuk menyediakan pengiklanan yang bersasar	(a) dengan pembekal perkhidmatan kami, termasuk pembekal analisis, untuk membantu kami menyampaikan dan

Dasar Privasi Wacom Singapore Pte. Ltd.

	(3) untuk memahami dengan lebih baik cara pelanggan kami menggunakan Perkhidmatan kami (4) bagi tujuan perakaunan dalaman, keselamatan dan operasi kami (5) bagi tujuan yang dikehendaki di sisi undang-undang	menambah baik Perkhidmatan, dan untuk menyediakan pengiklanan yang bersasar (b) Anggota Gabungan kami
Maklumat media sosial	(1) untuk menyediakan produk dan Perkhidmatan kami (2) untuk berkomunikasi dengan anda tentang produk dan perkhidmatan kami (3) untuk mengesahkan anda dan menyesuaikan kandungan (4) untuk menambah baik produk kami dan mewujudkan produk baharu (5) bagi tujuan perakaunan dalaman, keselamatan dan operasi kami (6) bagi tujuan yang dikehendaki di sisi undang-undang	(a) dengan pembekal perkhidmatan kami, termasuk pembekal analisis, untuk membantu kami menyampaikan dan menambah baik Perkhidmatan (b) Anggota Gabungan kami
Maklumat pihak ketiga lain	(1) untuk menyediakan produk dan Perkhidmatan kami (2) untuk berkomunikasi dengan anda tentang produk dan perkhidmatan kami (3) untuk mengesahkan anda dan menyesuaikan kandungan (4) untuk menambah baik produk kami dan mewujudkan produk baharu (5) bagi tujuan perakaunan dalaman, keselamatan dan operasi kami (6) bagi tujuan yang dikehendaki di sisi undang-undang	(a) dengan pembekal perkhidmatan kami, termasuk pembekal analisis, untuk membantu kami menyampaikan dan menambah baik Perkhidmatan (b) Anggota Gabungan kami

[\[kembali ke atas\]](#)

5. Maklumat yang Kami Kumpulkan

Secara umumnya, maklumat yang kami kumpulkan terdiri daripada dua jenis: (a) maklumat pengguna dan (b) maklumat penggunaan. Kami juga mengumpulkan maklumat akaun perniagaan dan maklumat media sosial daripada sesetengah orang dalam keadaan yang diterangkan di bawah.

Kami mengumpulkan maklumat daripada anda dengan beberapa cara. Anda memberi kami maklumat tertentu yang dapat dikenal pasti apabila anda membuka satu akaun Wacom atau

mengakses Perkhidmatan kami. Kami juga mengumpulkan maklumat tertentu secara automatik ketika anda berinteraksi dengan Perkhidmatan kami. Kami juga mungkin menerima maklumat mengenai anda daripada sumber lain. Kami boleh mengumpulkan maklumat peribadi daripada anda apabila anda mendaftar sebagai seorang pengguna atau mengetahui tentang produk kami dengan lebih lanjut, meminta sesuatu demonstrasi atau tempoh penilaian, memberikan komen dan cadangan, mendaftar diri untuk surat berita, menyertai pertandingan dan promosi, berinteraksi dengan kami pada saluran media sosial kami, memesan Aplikasi, produk atau perkhidmatan, meminta dan menggunakan perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan, meminta kertas putih, mendaftar diri untuk acara atau seminar, menyerahkan kandungan atau menghantar maklum balas kepada kami. ***Jika anda tidak mahu kami mengumpulkan, menggunakan atau mendedahkan maklumat ini, jangan memberikannya, tetapi anda mungkin tidak dapat memanfaatkan Perkhidmatan kami atau ciri-ciri tertentu Perkhidmatan kami. Anda juga mungkin tidak dapat memanfaatkan Perkhidmatan kami atau ciri-ciri tertentu Perkhidmatan kami jika anda pernah memberikan persetujuan kepada kami mengenai pengumpulan, penggunaan atau pendedahan maklumat peribadi anda tetapi telah menarik balik persetujuan tersebut selepas itu.*** Sebagai contoh, jika kami perlu mengumpulkan maklumat untuk melaksanakan kewajipan kontraktual kami terhadap anda, dan anda gagal memberikan maklumat itu apabila diminta, atau jika anda pernah memberikannya tetapi telah menarik balik persetujuan tersebut selepas itu, kami mungkin tidak dapat memberi anda produk atau perkhidmatan yang dipersetujui. Contoh maklumat yang dikumpulkan oleh kami secara langsung daripada anda termasuk:

Maklumat pengguna. Perkara ini bermaksud maklumat yang dikumpulkan tentang pengguna Perkhidmatan dan termasuk maklumat perhubungan. Ia juga merangkumi apa-apa kandungan yang disimpan oleh anda mengenai Perkhidmatan kami, termasuk permintaan, pertanyaan, komen atau ulasan yang dikongsi oleh anda dengan kami atau orang lain yang menggunakan Perkhidmatan kami. “Maklumat pengguna” juga termasuk maklumat yang diberikan oleh anda kepada kami untuk membuat pembelian, seperti maklumat pembayaran, maklumat yang dapat dikenal pasti secara peribadi, maklumat yang diperlukan untuk penjelasan bayaran (cth. nombor kad kredit) dan alamat penghantaran. Jika anda menghubungi pihak sokongan pelanggan kami, maklumat pengguna yang dikumpulkan oleh kami juga akan merangkumi rakaman komunikasi anda dengan pihak sokongan pelanggan. Pengguna boleh mewujudkan dan menyimpan data kandungan mereka termasuk, tanpa batasan, teks yang ditulis tangan, reka bentuk dan grafik dalam Perkhidmatan kami, dan data kandungan tersebut juga boleh menjadi “Maklumat pengguna”. Oleh kerana sifat data kandungan yang merupakan jenis data yang diwujudkan oleh pengguna dan bukan oleh Wacom, data kandungan tersebut juga mungkin mengandungi maklumat peribadi yang sensitif.

Maklumat perhubungan akaun perniagaan. Perkara ini bermaksud maklumat perhubungan perniagaan seperti nama, gelaran, fungsi kerja, nama perniagaan, alamat perniagaan, alamat e-mel perniagaan dan nombor telefon perniagaan yang dikumpulkan oleh kami tentang orang yang kami berkhidmat atau bekerja, termasuk pelanggan sebenar atau prospektif, rakan perikatan dan saluran, kontraktor, vendor dan pihak lain yang berminat dalam Wacom atau produk dan perkhidmatannya.

Maklumat Penggunaan. Kami mengumpulkan maklumat tentang interaksi anda dengan Perkhidmatan kami. Perkara ini termasuk atau boleh berhubung dengan maklumat peribadi anda. Maklumat ini membolehkan kami, antara perkara lain, menambah baik Perkhidmatan kami dan pengalaman anda, melihat aspek dan ciri-ciri Perkhidmatan kami yang popular dan kiraan lawatan, memberi anda pengiklanan yang bersasar berdasarkan minat anda, dan untuk menganalisis trend, mentadbirkan Laman Web kami, menjejaki cara anda melibatkan diri dengan Laman Web dan Perkhidmatan lain kami, mendapat tahu tentang sistem, pelayar dan aplikasi yang digunakan oleh anda untuk berinteraksi dengan Perkhidmatan kami, mengumpulkan maklumat demografi tentang pangkalan pengguna kami pada keseluruhannya. Kami juga menggunakan alat dan kaedah analisis untuk membolehkan kami memahami dengan lebih baik cara pelanggan kami menggunakan Perkhidmatan kami. Perkara ini termasuk berapa kerapnya Perkhidmatan digunakan, kejadian yang berlaku dalam aplikasi, penggunaan agregat, data prestasi, apa-apa pengecualian yang berlaku dalam perisian dan sumber aplikasi itu dimuat turun.

Untuk melakukan perkara ini, kami menggunakan kuki dan teknologi yang serupa, seperti suar web, untuk membantu kami mengumpulkan maklumat ini. Pengumpulan dan pemprosesan kuki oleh kami diterangkan dengan lebih terperinci dalam Notis Kuki kami yang boleh didapati [di sini](#). Kami juga mengumpulkan maklumat tertentu secara automatik dan menyimpannya dalam fail log. Maklumat ini termasuk maklumat seperti:

- alamat protokol Internet (IP)
- jenis pelayar,
- bahasa pelayar,
- pengenal pasti peranti,
- jenis peranti,
- pembekal perkhidmatan Internet (ISP)
- laman rujukan/keluar,
- tempoh lawatan,
- laman yang dilihat,
- sistem pengendalian,
- cap tarikh/masa,
- data penstriman klik,
- kerosakan,
- aktiviti sistem,
- tetapan perkakasan,
- zon waktu,
- tarikh dan masa permintaan, dan
- URL rujukan

Kami boleh menggabungkan maklumat log yang dikumpulkan secara automatik ini dengan maklumat lain yang dikumpulkan oleh kami tentang anda. Jika anda menghubungi kami melalui telefon atau faksimile, kami juga boleh mencatatkan dalam log, maklumat seperti nombor telefon anda, panggilan yang dimajukan, maklumat penghalaan SMS dan jenis panggilan.

Maklumat media sosial. Jika anda memilih untuk log masuk ke Perkhidmatan kami dengan menggunakan akaun media sosial, kami akan menerima nama anda, alamat e-mel anda, dan, pada umumnya, pengenalan pasti media sosial anda (kadang-kadang juga dirujuk sebagai nama pengguna atau “*handle*”). Kadang-kadang, kami juga menerima, apabila platform membenarkannya, imej profil anda dan maklumat sejarah tentang interaksi anda dengan kehadiran media sosial kami. Kami juga memantau laman media sosial bagi penglibatan dengan produk dan perkhidmatan kami, terutamanya termasuk kehadiran media sosial kami. Kami mungkin menerima, selaras dengan amalan privasi platform media sosial yang dipantau oleh kami, maklumat awam tentang interaksi (seperti tweet semula, hantaran semula, suka dan reaksi lain) dengan platform media sosial kami, sebutan mengenai produk atau perkhidmatan kami, maklumat tentang pengikut media sosial kami, dan maklumat yang dihantar kepada kami dalam mesej terus atau jawapan. Apabila anda menghantar mesej terus atau jawapan kepada kami, kami menerima dan memproses apa-apa maklumat peribadi dalam mesej itu. Oleh itu, contohnya, jika anda menyebut bahawa anda telah menerima salah satu produk kami sempena hari jadi anda, kami akan menerima dan menyimpan maklumat itu sebagai sebahagian daripada rekod kami mengenai interaksi sokongan kami dengan anda.

Kami juga menggunakan alat media sosial pihak ketiga untuk mengenal pasti wartawan dan pempengaruh yang relevan dengan produk dan perkhidmatan kami. Alat ini boleh memberikan maklumat biografi awam mengenai wartawan dan pempengaruh. Kami menggunakan maklumat ini untuk menjadikan maklumat tentang produk dan perkhidmatan kami tersedia bagi pempengaruh, untuk mengukur kesan profil media sosial pempengaruh itu sendiri, dan untuk berkomunikasi dengan pempengaruh tentang produk kami.

Maklumat pihak ketiga lain. Kami menerima maklumat mengenai anda daripada pihak ketiga yang menyokong Perkhidmatan kami, termasuk pemproses pembayaran kami, pasar pihak ketiga dan rakan saluran jualan kami. Kami boleh menambahkan maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga ini kepada maklumat yang dikumpulkan oleh kami mengenai anda daripada Laman Web kami.

[\[kembali ke atas\]](#)

6. Cara Kami Menggunakan Maklumat yang Kami Kumpulkan

Kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk beberapa tujuan yang kami percaya adalah selaras dengan jangkaan anda apabila anda berinteraksi dengan kami dan Perkhidmatan kami dan/atau yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai untuk penggunaan tersebut tanpa persetujuan anda:

- **Untuk memberikan Perkhidmatan dan sokongan.** Kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk memberikan dan mengurus Perkhidmatan, berkomunikasi dengan anda tentang Perkhidmatan kami, dan memenuhi apa-apa obligasi kontraktual lain yang mana kami mempunyai dengan anda. Tambahan lagi, kami menggunakan maklumat

Dasar Privasi Wacom Singapore Pte. Ltd.

peribadi anda untuk menyokong penggunaan Perkhidmatan oleh anda dan untuk memastikan kualiti dan keselamatan Perkhidmatan.

- Sebagai respons kepada pertanyaan, permintaan atau pembelian oleh anda, kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk menyediakan laporan, perkhidmatan perundingan, perkhidmatan pendidikan, latihan, penyelenggaraan, sokongan teknikal, sokongan pelanggan atau perkhidmatan sokongan lain.
- Kami menggunakan maklumat peribadi anda, termasuk maklumat yang tersimpan pada sistem anda, untuk melaksanakan Perisian atau Aplikasi kami. Kami menyimpan apa-apa salinan sementara data yang diakses, digunakan atau diwujudkan oleh kami, hanya selama tempoh masa yang perlu.
- Kami juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda untuk memberi anda laporan kemas kini, notis dan amaran keselamatan di samping mesej sokongan dan pentadbiran.
- Kami merakamkan semua panggilan untuk sokongan dan menyimpan rekod komunikasi anda dan kami untuk memberikan dan menambah baik perkhidmatan pelanggan kepada anda dan orang lain.
- Kami juga menggunakan maklumat peribadi untuk mengurus akaun anda dan menentusahkan identiti anda.
- Selainnya, kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk menyokong akaun anda.
- Kami menggunakan maklumat peribadi anda apabila diperlukan untuk melaksanakan fungsi perakaunan.
- Kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk memberikan maklumat produk yang relevan melalui Laman Web kami. Kami juga boleh memberi anda maklumat mengenai pihak ketiga dan terma penggunaan serta dasar privasi mereka apabila anda membeli aplikasi mereka pada Laman Web.
- Kami juga boleh menggunakan maklumat anda untuk menyesuaikan interaksi anda dengan Laman Web kami dan melaksanakan apa-apa tujuan lain yang mana anda telah memberikan maklumat peribadi anda kepada kami (tertakluk pada undang-undang perlindungan data yang terpakai).
- **Untuk mengesahkan anda dan menyesuaikan kandungan.** Apabila anda membuka, atau log masuk ke dalam, sesuatu akaun dengan Wacom, kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan memberi anda log masuk ke Perkhidmatan. Kami menggunakan maklumat peribadi untuk menentusahkan identiti anda dan mengurus akses kepada akaun Wacom anda. Akaun ini membolehkan kami menyediakan sesuatu

cara yang boleh ditentukan agar kami dapat memberikan respons kepada permintaan atau pertanyaan anda, termasuk memproses pesanan anda, menerima pesanan dan bayaran, menghantar pengesahan, memberikan invoice, memproses permintaan untuk maklumat tentang produk kami, memproses muat turun untuk kertas putih atau demonstrasi/penilaian produk, dan memproses permintaan waranti. Di samping itu, jika anda memilih untuk mengaitkan akaun Wacom anda dengan akaun media sosial peribadi anda, kami menggunakan maklumat peribadi berhubung dengan akaun rangkaian sosial anda yang telah dipilih oleh anda untuk digunakan (*cth.*, Facebook, Twitter atau Google+) bagi membuka atau mengakses akaun Wacom anda.

- **Untuk forum dalam talian, acara dalam talian, dan acara secara bersemuka.** Kami boleh menggunakan maklumat anda untuk memudahkan penyertaan anda pada forum dalam talian kami seperti kumpulan pengguna dan papan buletin. Kami juga boleh berbuat demikian untuk memudahkan penyertaan anda dalam acara langsung atau dalam talian seperti seminar latihan atau persidangan.
- **Mencegah aktiviti yang tidak wajar atau menyalahi undang-undang.** Kami menggunakan maklumat peribadi untuk melindungi daripada, menyiasat dan menghalang aktiviti fraud, tanpa kebenaran atau yang menyalahi undang-undang pada atau berkaitan dengan Perkhidmatan kami.
- **Untuk memenuhi kehendak undang-undang.** Wacom menggunakan dan mendedahkan maklumat peribadi anda apabila diperlukan untuk mematuhi undang-undang yang terpakai, pelaporan di bawah mandat perundangan, sepina, perintah mahkamah atau kehendak proses undang-undang lain.
- **Untuk memasarkan dan menambah baik produk dan perkhidmatan kami dan untuk mewujudkan produk dan perkhidmatan baharu.** Kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk:
 - menjalankan aktiviti pemasaran untuk memberitahu anda tentang produk, perkhidmatan dan acara kami;
 - menjalankan tinjauan mengenai Perkhidmatan kami dan penggunaan Perkhidmatan kami oleh anda; dan
 - mentadbirkan pertandingan atau cabutan bertuah, untuk menghantar e-mel promosi, memproses catatan, memberitahu peserta mengenai pemenang, mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai untuk pertandingan, cabutan bertuah dan ganjaran, dan untuk menyampaikan ganjaran.
- Di samping itu, kami boleh menggunakan maklumat untuk tujuan analisis dan untuk mengendalikannya, menyelenggarakan dan menambah baik produk dan perkhidmatan kami. Kami juga boleh menggunakan maklumat untuk mewujudkan produk dan perkhidmatan baharu.

- **Tujuan lain.** Kami boleh menggunakan maklumat anda untuk apa-apa tujuan perundangan, perniagaan atau pemasaran yang selaras dengan Dasar ini.
- **Tetapi bukan untuk penjualan atau penyewaan.** Wacom tidak menjual atau menyewakan maklumat anda kepada pihak ketiga.

[\[kembali ke atas\]](#)

7. “Jangan Jejaki Permintaan.” Pelayar web dan peranti mudah alih anda mungkin membenarkan anda melaraskan tetapan pelayar anda supaya permintaan “jangan jejak” (DNT) dihantar kepada laman web yang dilawati oleh anda. Wacom menghormati kehendak anda dan tidak akan menjejaki aktiviti pengguna apabila isyarat DNT telah diaktifkan. Walau bagaimanapun, pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami mungkin tidak memberikan respons kepada isyarat DNT.

[\[kembali ke atas\]](#)

8. Cara Kami Berkongsi Maklumat Anda dengan Pihak Ketiga

Wacom boleh mendedahkan maklumat anda dalam keadaan berikut:

- **Rakan Perniagaan, Penjual Semula dan Subkontraktor.** Wacom boleh berkongsi maklumat peribadi anda dengan rakan perniagaan, penjual semula dan subkontraktor (seperti pengedar dan penjual semula pihak ketiga, vendor, pembekal dan pembekal perkhidmatan lain), yang boleh menggunakan maklumat itu untuk memenuhi pesanan produk, memproses bayaran, membangunkan dan menambah baik produk, menghubungi anda tentang pesanan produk atau berkaitan dengan pelaksanaan, pengendalian dan sokongan Perkhidmatan atau penyelesaian, melaksanakan perkhidmatan pemasaran atau perundingan, menjawab permintaan anda atau yang selainnya yang wajar berkaitan dengan sesuatu keperluan perniagaan yang sah. Di samping itu, kami boleh mendedahkan maklumat peribadi kepada pembekal perkhidmatan yang mengacarai atau memudahkan penyampaian latihan dalam talian, seminar dan webinar; perkhidmatan penghantaran e-mel dan pembekal teknologi lain; dan pihak ketiga yang boleh membantu dalam penyampaian bahan pemasaran, perkhidmatan sokongan teknikal atau produk, perkhidmatan atau maklumat lain. Kami juga berkongsi maklumat dengan pemproses bayaran pihak ketiga kami.

Pemindahan seterusnya kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang merupakan pemproses kami akan dibuat mengikut undang-undang perlindungan data yang terpakai. Pemproses pihak ketiga ini hanya dibenarkan untuk menggunakan maklumat anda sebagaimana yang diperlukan untuk memberikan perkhidmatan yang berkenaan. Kami juga boleh berkongsi maklumat anda, atas permintaan anda atau disebabkan oleh pilihan anda, dengan (i) rakan perniagaan, penjual semula dan vendor perisian bebas yang mana

anda membeli produk atau perkhidmatan atau mendapat lesen aplikasi mudah alih, perisian atau perkhidmatan perisian melalui Laman Web kami daripada mereka; (ii) pengendali sesuatu rangkaian media sosial (*cth.*, YouTube, Facebook, Twitter, Tumblr, Pinterest, LinkedIn dan Instagram) yang anda berkongsi kandungan dengannya; atau (iii) pengendali sesuatu pembekal komunikasi atau storan pihak ketiga yang dengannya anda berkongsi kandungan melalui e-mel, storan awan, storan foto, atau mana-mana pihak ketiga lain yang kepadanya anda telah memilih untuk mengeksport kandungan anda.

- **Pembekal Analisis.** Kepada pihak ketiga yang menjalankan kajian pemasaran dan analisis data, termasuk mereka yang menyediakan alat atau kod yang memudahkan tinjauan semula dan pengurusan Perkhidmatan kami oleh kami, seperti Google Analytics atau perisian yang serupa daripada pembekal lain. Sebagai contoh, kami menggunakan Google Analytics untuk menganalisis penggunaan Perkhidmatan kami (*cth.*, produk, Laman Web dan Aplikasi kami). Kami juga boleh menggunakan Google Analytics bersama dengan perkhidmatan pengiklanan Google, seperti perkhidmatan yang menggunakan kuki DoubleClick. Dengan keupayaan ini, kami atau Google boleh mengaitkan maklumat Google Analytics dengan maklumat tentang lawatan ke pelbagai laman. Kami menggunakan teknologi penjejakan ini untuk menyediakan pengiklanan yang disesuaikan dan menilai usaha pemasaran kami. Untuk mendapat maklumat lanjut tentang cara Google mengumpulkan dan memproses data apabila anda melawati laman web atau menggunakan aplikasi yang menggunakan teknologi Google, sila lihat “Cara Google menggunakan data apabila anda menggunakan laman atau aplikasi rakan kami” pada pautan www.google.com/policies/privacy/partners.
- **Pemindahan atau Penyerahan Hak yang Berkaitan dengan Pemindahan Perniagaan atau Kebankrapan.** Sekiranya berlaku sesuatu peralihan perniagaan, seperti percantuman, pemerolehan, penyusunan semula, kebangkrapan atau penjualan lain semua atau sebahagian daripada aset kami, apa-apa maklumat yang dimiliki atau dikawal oleh kami mungkin merupakan salah satu aset yang dipindahkan kepada pihak ketiga. Wacom hendaklah memberikan notis mengenai peralihan perniagaan tersebut melalui notis yang jelas pada Laman Web kami. Kami mempunyai hak, sebagai sebahagian daripada jenis transaksi ini, untuk memindahkan atau menyerahhakkan maklumat anda dan maklumat lain yang telah dikumpulkan oleh kami daripada pelanggan dan pengguna Perkhidmatan, kepada pihak ketiga. Selain daripada setakat mana yang diperintahkan oleh sesuatu mahkamah kebangkrapan atau mahkamah lain, atau sebagaimana yang selainnya dipersetujui oleh anda, penggunaan dan pendedahan semua maklumat yang dipindahkan akan tertakluk pada Dasar ini. Walau bagaimanapun, apa-apa maklumat yang diserahkan oleh anda atau yang dikumpulkan selepas jenis pemindahan ini mungkin tertakluk pada dasar privasi baharu yang diterima pakai oleh entiti pengganti yang mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai.
- **Respons kepada Sepina atau Perintah Mahkamah; Perlindungan Hak Kami; Keselamatan.** Seperti yang dikehendaki atau dibenarkan di sisi undang-undang,

peraturan, proses undang-undang atau keperluan undang-undang lain, atau apabila kami percaya mengikut budi bicara tunggal kami bahawa pendedahan adalah perlu atau wajar, untuk memberikan respons dalam sesuatu kecemasan atau untuk melindungi hak kami, melindungi keselamatan anda atau keselamatan orang lain, menyiasat fraud, mematuhi prosiding kehakiman atau sepina, perintah mahkamah, penguatkuasaan undang-undang atau permintaan kerajaan, termasuk, tanpa batasan, untuk memenuhi keperluan keselamatan negara atau penguatkuasaan undang-undang, atau proses undang-undang lain dan untuk menguatkuasakan perjanjian, dasar dan terma penggunaan kami.

- **Kepada Anggota Gabungan Kami.** Kami boleh berkongsi sesetengah atau semua maklumat anda dengan Anggota Gabungan kami. Kami akan menghendaki semua entiti supaya mematuhi terma Dasar ini berhubung dengan penggunaan maklumat anda olehnya.
- **Kandungan yang Dihantar Secara Awam.** Jika anda menghantar komen, imej dan kandungan lain kepada sesuatu lokasi yang tersedia untuk orang awam, termasuk apa-apa Laman Web, Aplikasi, lokasi storan atau media sosial yang tersedia untuk orang awam, maklumat yang dihantar oleh anda akan boleh dilihat oleh orang awam.
- **Dengan Persetujuan Anda.** Kami boleh berkongsi sesetengah atau semua maklumat anda dengan mana-mana pihak ketiga lain dengan persetujuan anda yang membenarkannya. Contohnya, kami memaparkan perakuan pelanggan yang berpuas hati pada Laman Web kami di samping sokongan lain. Dengan persetujuan anda, kami boleh memaparkan perakuan anda bersama dengan nama anda. Jika anda ingin mengemaskinikan atau memadamkan perakuan anda, anda boleh menghubungi kami pada alamat yang dinyatakan dalam Seksyen 1 Dasar ini.
- **Data yang Dihilangkan Nama.** Kami boleh berkongsi maklumat yang telah dihilangkan nama, dengan orang lain untuk kegunaan mereka sendiri, mengikut undang-undang dan peraturan yang terpakai.

[\[kembali ke atas\]](#)

9. Pemindahan Antarabangsa Data untuk Pemrosesan.

Sila ambil maklum bahawa apa-apa maklumat yang diproses di bawah Dasar ini boleh dipindahkan kepada atau daripada sebuah negara atau wilayah lain yang memberikan privasi dan/atau perlindungan keselamatan yang berbeza atau kurang komprehensif untuk maklumat tersebut.

Disebabkan sifat global perniagaan kami, kerjasama dijalinan antara Anggota Gabungan dalam Kumpulan Wacom berkenaan dengan bahagian tertentu Perkhidmatan. Oleh itu, apabila maklumat tertentu dikongsi dalam Kumpulan Wacom, maklumat yang berkaitan dengan anda mungkin diproses di luar bidang kuasa tempatan anda, termasuk, tanpa batasan, di Amerika

Syarikat, Kawasan Ekonomi Eropah (EEA) dan/atau Jepun. Semua maklumat yang dikumpulkan dan dipindahkan di bawah Dasar ini kepada Anggota Gabungan lain dalam Kumpulan Wacom akan tetap tertakluk pada Dasar ini dan undang-undang perlindungan data yang terpakai.

Di samping itu, banyak pemproses pihak ketiga kami berpusat di bidang kuasa yang berbeza, termasuk Amerika Syarikat, EEA dan/atau Jepun. Maklumat yang dipindahkan kepada pemproses kami akan dikehendaki secara kontraktual supaya mematuhi obligasi yang dinyatakan dalam Dasar ini.

Jika kami memindahkan maklumat anda ke sebuah negara atau wilayah yang memberikan privasi dan/atau perlindungan keselamatan yang kurang komprehensif untuk maklumat tersebut, kami akan terus memastikan bahawa semua pemindahan maklumat anda tersebut akan dilakukan dengan cara yang mematuhi undang-undang perlindungan data yang terpakai (termasuk mengikat kontrak dengan penerima untuk melindungi maklumat anda dengan cara yang dikehendaki di sisi undang-undang yang terpakai)..

Dengan penggunaan Perkhidmatan dan perakuan Dasar kami oleh anda, anda bersetuju dengan pemindahan dan pemprosesan maklumat anda oleh Wacom, Kumpulan Wacom, pembekal perkhidmatan Wacom dan pihak ketiga di luar bidang kuasa tempatan anda.

[\[kembali ke atas\]](#)

10. Ciri-ciri dan Laman Web Pihak Ketiga

Seperti yang dinyatakan di atas, Laman Web mungkin mengandungi pautan kepada, atau ciri-ciri daripada, laman web lain. Dasar ini merangkumi pemprosesan maklumat oleh Wacom untuk Perkhidmatan kami, dan tidak merangkumi pemprosesan maklumat oleh laman web atau ciri-ciri pihak ketiga tersebut. Wacom tidak bertanggungjawab terhadap dasar privasi, dasar kuki, terma penggunaan dan/atau amalan pihak ketiga yang telah diakses oleh anda daripada Perkhidmatan kami. Kami menggalakkan anda supaya sedar apabila anda meninggalkan Perkhidmatan kami, dan supaya membaca dasar privasi, dasar kuki, terma penggunaan dan kenyataan lain pada laman pihak ketiga itu atau untuk perkhidmatan pihak ketiga itu.

[\[kembali ke atas\]](#)

11. Keselamatan; Pelanggaran; PCI DSS

Wacom mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah dan sesuai untuk membantu melindungi maklumat anda. Kami percaya bahawa langkah berjaga-jaga ini mengambil kira dengan sewajarnya risiko yang terlibat dalam pemprosesan dan jenis maklumat. Walau bagaimanapun, memandangkan sifat Internet dan hakikat bahawa langkah keselamatan rangkaian tidak sempurna, kami tidak dapat menjamin keselamatan maklumat anda atau Internet atau rangkaian telekomunikasi yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan kami.

Apabila mendaftar untuk akses kepada bahagian selamat salah satu Perkhidmatan kami, kami akan meminta anda supaya memilih satu nama pengguna dan kata laluan. Kami mengesyorkan agar anda tidak mendedahkan kata laluan anda kepada sesiapa pun. Kami tidak akan sekali-kali bertanya kepada anda tentang kata laluan anda dalam panggilan telefon tanpa diminta atau dalam e-mel tanpa diminta. Di samping itu, ingatlah untuk log keluar daripada Perkhidmatan dan tutup tetingkap penyemak imbas anda, perisian atau aplikasi anda, atau Perkhidmatan lain apabila anda telah menyelesaikan kerja anda. Perkara ini adalah untuk memastikan bahawa orang lain tidak dapat mengakses maklumat dan surat-menyurat anda apabila mereka mengakses komputer anda.

Apabila anda membuat bayaran pada Laman Web kami, kami mematuhi obligasi kami di bawah Standard Keselamatan Data Industri Kad Pembayaran (PCI DSS), dan kami memastikan bahawa mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga bagi Perkhidmatan kami yang memproses kad kredit pelanggan juga mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam PCI DSS.

Apa-apa perkongsian maklumat anda dengan pemproses pihak ketiga yang beroperasi di bawah arahan kami akan dibuat mengikut undang-undang perlindungan data yang terpakai. Pemproses pihak ketiga ini akan dikehendaki mematuhi langkah-langkah keselamatan dan pemberitahuan pelanggaran yang sesuai untuk melindungi maklumat anda.

Kami telah menetapkan prosedur untuk menangani apa-apa pelanggaran maklumat peribadi yang disyaki, dan akan memberitahu anda dan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan mengenai sesuatu pelanggaran jika kami dikehendaki supaya berbuat demikian di sisi undang-undang.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang keselamatan Perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami dengan menggunakan maklumat perhubungan yang dinyatakan dalam Seksyen 1 Dasar ini.

[\[kembali ke atas\]](#)

12. Mengakses, Membetulkan, Mengemaskinikan & Memegang simpan Maklumat Anda

Anda boleh mengakses, mengubah suai, meminda, mengehadkan atau mengeluarkan maklumat akaun Wacom anda dengan membuat log masuk ke dalam akaun Wacom anda dan mengakses maklumat akaun Wacom anda.

Tambahan pula, anda berhak meminta maklumat tentang maklumat peribadi yang disimpan oleh kami mengenai anda pada bila-bila masa. Anda juga boleh membuat permintaan untuk membetulkan, mengemaskinikan atau mengeluarkan maklumat mengenai anda sendiri pada bila-bila masa. Untuk apa-apa permintaan tersebut, anda boleh menghubungi kami pada alamat yang dinyatakan dalam Seksyen 1 Dasar ini. Jika maklumat anda diberikan kepada kami oleh majikan anda, anda sepatutnya menunjukan permintaan anda kepada majikan anda.

Anda tidak akan perlu membuat bayaran untuk mengakses maklumat anda; walau bagaimanapun, kami boleh mengenakan bayaran yang munasabah jika permintaan anda jelas tidak berasas, berulang atau keterlaluan. Sebagai suatu alternatif, kami boleh enggan menyetujui dengan permintaan anda dalam keadaan begini.

Kami akan memegang simpan maklumat anda dan data yang kami proses bagi pihak pelanggan kami sebagaimana yang perlu untuk memenuhi tujuan yang mana kami telah mengumpulkan maklumat itu, selagi akaun Wacom anda adalah aktif, sebagaimana yang diperlukan untuk memberi anda Perkhidmatan kami atau untuk mematuhi obligasi undang-undang atau pengawalseliaan. Kami akan memegang simpan dan menggunakan maklumat ini sebagaimana yang perlu untuk mematuhi obligasi undang-undang kami, menyelesaikan pertikaian dan menguatkuasakan perjanjian kami. Jika anda menghapuskan mana-mana maklumat akaun Wacom anda, kami boleh memegang simpan maklumat tertentu jika dikehendaki di sisi undang-undang atau untuk tujuan perniagaan yang sah atau untuk menyelesaikan obligasi kontraktual kami terhadap anda.

Jika anda menjadi seorang pelanggan yang tidak aktif, atau jika kami menutup atau menggantung akaun Wacom anda, kami akan terus mematuhi dasar privasi yang telah berkuat kuasa pada masa kami mengumpulkan maklumat anda, selagi kami terus memegang simpan maklumat anda dalam milikan kami. Kami boleh menghapuskan mana-mana atau semua maklumat anda pada bila-bila masa tanpa notis kepada anda atas sebarang alasan atau tanpa alasan, melainkan jika ia sebaliknya dikehendaki supaya dipegang simpan di bawah undang-undang atau kontrak.

Kami mungkin perlu meminta maklumat khusus daripada anda untuk membantu kami mengesahkan identiti anda dan memastikan hak anda untuk mengakses maklumat anda (atau untuk menggunakan mana-mana hak lain anda). Perkara ini merupakan langkah keselamatan untuk memastikan bahawa maklumat anda tidak didedahkan kepada mana-mana orang yang tidak berhak menerimanya. Kami juga boleh menghubungi anda untuk meminta maklumat lebih lanjut daripada anda berhubung dengan permintaan anda untuk mempercepat respons kami.

Kami akan cuba memberikan respons kepada apa-apa permintaan untuk mengakses maklumat anda dalam tempoh 30 hari. Kami mungkin memerlukan masa yang lebih panjang jika permintaan anda adalah rumit atau anda telah membuat pelbagai permintaan. Dalam keadaan sedemikian, kami akan memberitahu anda dan memaklumkan perkembangannya kepada anda.

[\[kembali ke atas\]](#)

13. Keutamaan dan Memilih untuk Tidak Menerima

Perkhidmatan kami memberi pelawat dan pelanggan peluang bagi memilih untuk tidak menerima jenis komunikasi tertentu daripada kami dan rakan kami pada waktu kami meminta maklumat mengenai pelawat atau pelanggan itu. Tambahan lagi, jika anda mendaftar diri sebelum ini untuk menerima maklumat tentang Perkhidmatan kami, anda boleh menarik diri

daripada pelanggan, atau memilih untuk tidak menerima, semua komunikasi pemasaran masa depan daripada kami yang tidak berkaitan dengan produk atau perkhidmatan yang telah dipesan oleh anda, dengan mengeluarkan maklumat perhubungan dan maklumat lain anda daripada pangkalan data pemasaran dan komunikasi kami melalui tindakan (a) menghantar e-mel kepada kami atau (b) mengklik pautan tarik diri pelanggan (“unsubscribe”) pada mana-mana komunikasi pemasaran e-mel yang anda terima.

Kami bekerjasama dengan pihak ketiga untuk memaparkan pengiklanan pada Laman Web kami atau untuk mengurus pengiklanan kami pada laman lain. Rakan pihak ketiga kami mungkin menggunakan kuki atau teknologi yang serupa untuk menyediakan pengiklanan kepada anda berdasarkan aktiviti penyemak imbas dan minat anda. Untuk mendapat maklumat lanjut mengenai penggunaan kuki oleh kami dan cara anda boleh memilih untuk tidak menerima kuki, sila semak [Notis Kuki](#) kami.

[\[kembali ke atas\]](#)

14. Penggunaan oleh Kanak-kanak

Kami tidak, dengan disedari oleh kami, memproses maklumat peribadi yang mana kami menentukan tujuan dan cara pemprosesan, mengenai kanak-kanak di bawah umur 13 tahun atau umur minimum yang setara dalam bidang kuasa yang relevan (“Orang Belum Dewasa”) tanpa persetujuan ibu bapa atau penjaga terlebih dahulu. Jika anda merupakan ibu bapa atau penjaga Orang Belum Dewasa dan mempercayai bahawa Orang Belum Dewasa itu telah mendedahkan maklumat peribadi kepada kami secara langsung, sila hubungi kami supaya kami dapat menghapuskan maklumat peribadi Orang Belum Dewasa itu. Sekiranya maklumat peribadi tersebut diberikan kepada kami, anda, sebagai ibu bapa atau penjaga, dengan ini memersetujui pemprosesan maklumat peribadi Orang Belum Dewasa itu dan menerima dan bersetuju secara peribadi untuk terikat dengan Dasar ini dan mengambil tanggungjawab terhadap tindakan Orang Belum Dewasa itu.

[\[kembali ke atas\]](#)

15. Perubahan kepada Dasar ini

Kami mempunyai hak untuk mengubah suai Dasar ini pada bila-bila masa, oleh itu kami menggalakkan anda supaya menyemaknya dengan kerap. Jika kami membuat perubahan yang penting kepada Dasar ini, kami akan memberitahu anda melalui e-mel atau secara notis pada Laman Web kami sebelum perubahan itu mula berkuat kuasa. Kami akan memaparkan apa-apa pengubahsuaian atau perubahan kepada Dasar pada Laman Web kami. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat perhubungan anda dalam fail kami adalah terkini.

[\[kembali ke atas\]](#)

16. Bahasa

Dasar ini hendaklah dikawal dan ditafsirkan dengan menggunakan bahasa Inggeris. Oleh demikian, versi bahasa Inggeris Dasar ini mengawal sekiranya terdapat apa-apa percanggahan dengan versi terjemahan lain Dasar ini.

Notis yang diberikan oleh atau kepada kami, atau sebarang komunikasi antara anda dengan kami berkaitan dengan Dasar ini, hendaklah dibuat dalam bahasa Inggeris.

[\[kembali ke atas\]](#)

17. Adendum kepada Dasar ini

Jika berkenaan, peruntukan dalam Adendum hendaklah terpakai untuk kategori subjek data yang dinyatakan dalamnya. Adendum hendaklah membentuk sebahagian yang penting daripada Dasar ini dan rujukan kepada “Dasar ini” hendaklah merangkumi Adendum. Sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten antara peruntukan Dasar ini dengan peruntukan dalam Adendum, peruntukan Adendum hendaklah mengatasinya hanya setakat perkara yang tidak konsisten tersebut.

[\[kembali ke atas\]](#)

ADENDUM

A. Peruntukan Tambahan yang Terpakai bagi Malaysia Sahaja

1. Peruntukan Perenggan A Adendum ini hendaklah hanya terpakai bagi subjek data yang mengakses atau menggunakan Perkhidmatan dari Malaysia.
2. Untuk tujuan Seksyen 5 Dasar ini, maklumat peribadi sensitif hendaklah merujuk kepada sebarang data peribadi, yang merangkumi maklumat mengenai keadaan fizikal atau mental subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat serupa dengannya, perlakuan atau dakwaan perlakuan apa-apa jenayah olehnya atau sebarang data peribadi lain sebagaimana yang dinyatakan di bawah mana-mana perintah yang dikeluarkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
3. Seksyen 14 Dasar ini dipinda dengan menggantikan “13” dengan “18”.

B. Peruntukan Tambahan yang Terpakai bagi Thailand Sahaja

1. Peruntukan Perenggan B Adendum ini hendaklah hanya terpakai bagi subjek data yang mengakses atau menggunakan Perkhidmatan dari Thailand.
2. Seksyen 14 Dasar ini dipinda dengan menggantikan “13” dengan “20”.
3. Sebagai seorang subjek data, anda mempunyai hak-hak berikut berkaitan dengan maklumat peribadi di bawah Personal Data Protection Act B.E. 2562 (2019):
 - a. Hak untuk menarik balik persetujuan;
 - b. Hak untuk mengakses dan meminta salinan;
 - c. Hak kemudahan data;
 - d. Hak untuk membantah pengumpulan, penggunaan atau pendedahan;
 - e. Hak untuk memadamkan, memusnahkan atau menjadikan tanpa nama;
 - f. Hak untuk mengehadkan penggunaan;

- g. Hak untuk membetulkan, mengemaskinikan, melengkapkan dan menjadikannya tidak mengelirukan; dan
- h. Hak untuk mengemukakan aduan pelanggaran PDPA kepada pihak berkuasa yang relevan.

Jika anda mempunyai apa-apa kebimbangan atau ingin menggunakan mana-mana hak anda selain daripada h., anda boleh menghubungi kami pada alamat yang dinyatakan dalam Seksyen 1 Dasar ini.

C. Peruntukan Tambahan yang Terpakai bagi Indonesia Sahaja

- 1. Peruntukan Perenggan C Adendum ini hendaklah hanya terpakai bagi subjek data yang mengakses atau menggunakan Perkhidmatan dari Indonesia atau bagi subjek data yang merupakan warganegara atau pemastautin Indonesia.
- 2. Seksyen 14 Dasar ini dipinda dengan menggantikan “13” dengan “21”.
- 3. Dengan mematuhi Undang-undang Indonesia No. 24 tahun 2009 mengenai Bendera, Bahasa, Lambang Kebangsaan dan Lagu Kebangsaan, Dasar ini hendaklah disediakan dalam versi bahasa Indonesia dan juga versi bahasa Inggeris, yang kedua-duanya hendaklah berkuat kuasa. Sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten antara teks bahasa Indonesia dan teks bahasa Inggeris, atau sekiranya terdapat apa-apa pertikaian mengenai maksud atau tafsiran peruntukan tertentu, teks bahasa Inggeris hendaklah mengatasi teks bahasa Indonesia, dan teks bahasa Indonesia akan dianggap sebagai dipinda supaya selaras dengan, dan untuk menjadikan teks bahasa Indonesia yang relevan itu konsisten dengan, teks bahasa Inggeris yang relevan.

D. Peruntukan Tambahan yang Terpakai bagi Vietnam Sahaja

- 1. Peruntukan Perenggan D Adendum ini hendaklah hanya terpakai bagi subjek data yang mengakses atau menggunakan Perkhidmatan dari Vietnam.
- 2. Berhubung dengan “Maklumat Pengguna” dalam Seksyen 5 Dasar ini, anda memberikan

Dasar Privasi Wacom Singapore Pte. Ltd.

representasi dan jaminan bahawa Kandungan Penggunaan tidak termasuk rahsia Kerajaan.

3. Untuk tujuan Seksyen 5 Dasar ini, maklumat peribadi yang sensitif hendaklah merujuk, antara lain,
 - a. maklumat tentang kaum atau asal usul etnik;
 - b. maklumat mengenai pelanggan institusi kredit, cawangan bank asing, pembekal perkhidmatan pembayaran dan institusi berlesen lain, termasuk pengenalan pelanggan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, akaun, deposit, aset yang didepositkan, urus niaga, organisasi dan individu yang menjadi penjamin di institusi kredit, cawangan bank, dan pembekal perkhidmatan pembayaran;
 - c. lokasi peribadi yang dikenal pasti melalui perkhidmatan lokasi; dan
 - d. data peribadi tertentu lain seperti yang ditetapkan oleh undang-undang yang memerlukan perlindungan khas.
4. Dalam Seksyen 8 Dasar ini, Wacom boleh mendedahkan semua atau sebahagian daripada maklumat anda yang dikumpulkan kepada pihak ketiga seperti yang dinyatakan di Seksyen 5 Dasar ini apabila kami percaya dalam budi bicara kami yang mutlak bahawa pendedahan adalah diperlukan atau sesuai.
5. Dalam Seksyen 8 Dasar ini, pemindahan atau penyerahan maklumat peribadi berkaitan dengan penggabungan, pengasingan, pembahagian, penyatuan atau pembubaran mungkin tertakluk kepada peraturan undang-undang Vietnam.
6. Seksyen 12 Dasar ini dipinda dengan menggantikan “30 hari” dengan “72 jam” sekiranya permintaan anda melibatkan pemadaman maklumat peribadi.
7. Seksyen 14 Dasar ini dipinda dengan menggantikan “13” dengan “16”. Tambahan lagi, jika Orang Belum Dewasa itu berumur 7 tahun atau lebih, anda mengesahkan bahawa Orang Belum Dewasa itu juga bersetuju dengan peruntukan Dasar ini.

E. Peruntukan Tambahan yang Terpakai bagi Filipina Sahaja

1. Peruntukan Perenggan E Adendum ini hendaklah hanya terpakai bagi subjek data yang

Dasar Privasi Wacom Singapore Pte. Ltd.

mengakses atau menggunakan Perkhidmatan dari Filipina, atau bagi subjek data yang merupakan warganegara atau pemastautin Filipina.

2. Untuk tujuan Seksyen 5 Dasar ini, maklumat peribadi sensitif hendaklah merujuk, antara lain, kepada maklumat peribadi:
 - a. tentang kaum, asal usul etnik, status perkahwinan, umur, warna kulit, agama dan afiliasi falsafah atau politik seseorang individu;
 - b. tentang kesihatan, pendidikan, genetik atau kehidupan seksual seseorang individu, atau kepada mana-mana prosiding bagi apa-apa jenayah yang dilakukan atau didakwa telah dilakukan olehnya; atau
 - c. yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan khusus untuk seseorang individu.

Kami hanya akan memproses maklumat peribadi sensitif anda dengan persetujuan nyata anda dan untuk tujuan yang dinyatakan dengan jelas dalam Dasar ini, atau mengikut undang-undang yang terpakai.

3. Seksyen 14 Dasar ini dipinda dengan menggantikan “13” dengan “18”.
4. Sebagai seorang subjek data, anda mempunyai hak-hak berikut di bawah Akta Privasi Data Filipina tahun 2012 (No. R.A. 10173):
 - a. Hak untuk diberitahu;
 - b. Hak untuk membantah;
 - c. Hak untuk mengakses;
 - d. Hak pembetulan data yang salah;
 - e. Hak pemadaman maklumat peribadi anda;
 - f. Hak untuk ditanggung rugi bagi ganti rugi;
 - g. Hak kemudahan data; dan
 - h. Hak untuk mengemukakan aduan kerana pelanggaran hak privasi data anda.

Jika anda mempunyai apa-apa kebimbangan atau ingin menggunakan mana-mana hak privasi data anda, anda boleh menghubungi kami pada alamat yang dinyatakan dalam Seksyen 1 Dasar ini. Jika anda tidak berpuas hati dengan respons kami, anda juga berhak

Dasar Privasi Wacom Singapore Pte. Ltd.

mengemukakan aduan kepada Suruhanjaya Privasi Nasional. Untuk mendapat maklumat lanjut, sila rujuk kepada pautan <https://www.privacy.gov.ph/>.